

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH : 12 APRIL 2018 (KHAMIS)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Rumpai laut lubuk 'emas'	Utusan Malaysia

KERATAN AHKBAR

UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) MUKA SURAT : 22

TARIKH : 12 APRIL 2018 (KHAMIS)

Oleh AQILAH MIOR
KAMARULBAID
aqilah.mks@gmail.com



SEJARAH rumpai laut di negara ini bermula sejak 1978 di Pulau Karindingan di Semporna namun hanya sekitar 1989 rumpai laut spesies *Kappaphycus alvarezii* mula di komersialkan di Sabah selepas Filipina pada 1973 dan Indonesia pada 1986.

Kini perairan daerah Semporna, Kunak dan Lahad Datu dikenali sebagai estet rumpai laut kerana kesesuaian perairannya yang berada dalam lingkungan Segitiga Batu Karang sempadan tiga negara iaitu Filipina, Indonesia dan Brunei.

Tidak ketinggalan, Malaysia merupakan antara penyumbang kepada pengeluaran rumpai laut merah spesies *Kappaphycus* sp. dan *Eucheuma* sp. yang menghasilkan 20,000 tan metrik rumpai laut kering bernilai RM60 juta pada 2010 yang diusahakan di kawasan seluas 9,000 hektar serta memberi manfaat kepada 1,200 pengusaha di Pantai Timur Sabah.

Walaupun bagaimanapun, perusahaan tersebut dijalankan secara tradisional yang menyebabkan produktiviti dan kualiti yang rendah serta terlalu bergantung kepada tenaga buruh yang ramai.

Justeru Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan memperkenalkan teknologi dan kaedah terkini berkonsepkan mini estet di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) yang dilihat mampu meningkatkan pengeluaran rumpai laut negara secara drastik.

Melalui program tersebut, pengeluaran rumpai laut akan meningkat kepada 150,000 tan metrik (berat kering) menjelang 2020.

Jika dilihat pada 2012, pengeluaran rumpai laut dunia mengalami kekurangan antara 100,000 hingga 150,000 tan metrik setahun walaupun mendapat bekalan dari Indonesia dan Filipina.

Kekurangan tersebut pastinya boleh diisi oleh pasaran Malaysia melalui sistem mini estet yang



Rumpai laut lubuk 'emas'

AHMAD Shabery Cheek melancarkan program Gelombang Nelayan Nasional (GNN) 2018: Seaweed Splash di Semporna Sabah baru-baru ini.

diperkenalkan yang bukan sahaja meningkatkan produktiviti malah turut meningkatkan kualiti, pengurusan bersepadu serta meningkatkan pendapatan.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, **Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek** ketika merasmikan Program Gelombang Nelayan Nasional (GNN) 2018: Seaweed Splash di Semporna baru-baru ini meminta masyarakat tidak memandang kecil golongan nelayan yang bertarung nyawa di lautan demi memberi nikmat kehidupan kepada rakyat di negara ini.

Rumpai laut umpama satu keajaiban alam semula jadi kerana mengandungi pelbagai khasiat dan kandungan mineralnya yang tinggi iaitu kalsium, lignans serta berkesan membantu penurunan berat badan.

"Salah satu khasiatnya iodin yang membantu meningkatkan perjalanan kelenjar tiroid bagi membantu meningkatkan

metabolisme iaitu pembakaran dalam badan.

"Inilah kelebihan laut di Semporna yang tenang serta menerima pancaran matahari yang mencukupi bagi membolehkan tanaman rumpai laut dilakukan di sini sekali gus meningkatkan profil kawasan tersebut sebagai tarikan pelancongan dan menarik lebih ramai pelancong," katanya.

Pada 2016, kira-kira 206,000 tan metrik rumpai laut (berat basah) bernilai RM44 juta dihasilkan dan perusahaan tersebut menjadi sumber pendapatan kepada hampir 1,200 pengusaha di kawasan pengkulturan rumpai laut di perairan negeri Sabah seperti di Semporna, Kunak, Tawau dan Lahad Datu.

Malah, Kerajaan Negeri Sabah memperuntukkan kawasan persisiran pantainya seluas 38,000 hektar (ha)

keseluruhannya dan 28,000 hektar untuk tujuan menternak rumpai laut di Semporna.

"Kerana itu, saya sering ingatkan kawan-kawan di kementerian tentang ternakan rumpai laut yang memiliki nilai besar dan bagaimana untuk memanfaatkannya.

"Ia boleh menjadi 'emas' untuk negara sebab itu kita mahu sentiasa berkempen tentang kebaikan rumpai laut sebagai produk pelancongan negara seperti bagaimana untuk memasaknya, bagaimana ia boleh dihasilkan produk hiliran dan sektor kecantikan supaya membantu meningkatkan harga rumpai laut di pasaran," ujarnya.

Dalam usaha memastikan negara mampu memenuhi permintaan yang tinggi pada setiap tahun, kementerian meluluskan peruntukkan berjumlah RM500,000 bagi membina sebuah pusat komersial rumpai laut pada tahun ini.

Menurut Ahmad Shabery, Pertubuhan Peladang



Kawasan (PPK) Semporna akan bekerjasama dengan pemimpin setempat untuk memilih lokasi yang sesuai bagi memudahkan pembinaan kemudahan itu.

"Kita akan mencari apa sahaja cara untuk membantu pengusaha rumpai laut bagi kawasan Semporna meningkatkan hasil jualan kerana harganya pada ketika ini tidak menentu dan kebanyakan pengusaha bergantung kepada satu pembeli sahaja.

"Dengan adanya kemudahan tempat pengumpulan, memproses dan pakej rumpai laut itu nanti, pengusaha di daerah ini sendiri akan menentukan pembeli mereka dengan kadar harga lebih berpatutan," katanya lagi.

Dalam pada itu, di bawah Dasar Agromakanan Negara, rumpai laut telah dikenal pasti sebagai salah satu komoditi bernilai tinggi yang diberi tumpuan untuk menyumbang kepada pengeluaran ikan dan eksport negara.

Sebanyak 10 syarikat iaitu masing-masing lapan di Semporna dan dua di Kunak dilantik di bawah projek mini estet manakala enam kluster iaitu masing-masing lima di Semporna dan satu di Tawau diwujudkan bagi menggabungkan pengusaha kecil sedia ada secara berkelompok.

Program tersebut berjaya meningkatkan pendapatan pengusaha melebihi RM1,500 sebulan, melepasi tahap

SEORANG
penjual rumpai
laut menunjukkan
rumpai laut yang
dijual di pasar
basah Tawau.

kemiskinan. Seiring dengan pembangunan hulu rumpai laut, pelbagai program penyelidikan dan pembangunan (R&D) turut dijalankan dengan kerjasama institut pengajian tinggi seperti

Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan agensi lain seperti SIRIM Berhad (SIRIM) dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) bagi menghasilkan nilai tambah kepada hasil rumpai laut.

Antara penyelidikan yang dijalankan oleh MARDI membuktikan bahawa rumpai laut Semporna adalah yang terbaik kerana mengandungi kandungan gel karagenan yang paling berkualiti.

Sementara itu Jabatan Perikanan dengan kerjasama SIRIM dan Jabatan Standard Malaysia turut mengeluarkan prosedur operasi standard (SOP) bagi Amalan Baik Ternakan Rumpai Laut dan sehingga kini, lebih 50 ladang projek Kluster Look Buton, Semporna berjaya mendapat pensijilan MyGAP.

Program yang dijalankan itu sebagai usaha kerajaan dalam mentransformasi golongan sasar untuk lebih berdaya saing, berpengetahuan dan medium terbaik dalam menyampaikan *feel good factor* kepada masyarakat serta secara tidak langsung dapat mengeratkan hubungan dan mewujudkan suasana mesra antara golongan sasar dengan kerajaan.